

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dr Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai alat-alat pengimbas (Scan) yang digunakan untuk Diagnos Penyakit dan Peralatan Penyinaran untuk merawat sel kanser yang terdapat di beberapa Hospital Besar di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Alat-alat pengimbas yang digunakan untuk mendiagnosa penyakit dan peralatan penyinaran untuk merawat penyakit kanser terdapat di kebanyakan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mempunyai Pakar Radiologi dan Pakar Radioterapi & Onkologi residen. Bagi penduduk di kawasan Parlimen Hulu Langat dan kawasan berhampiran dengannya, mereka boleh mendapatkan perkhidmatan

pengimbasan dan penyinaran rawatan kanser di Hospital Serdang, Hospital Kajang dan Hospital Putrajaya.

Peralatan-peralatan penting yang digunakan oleh Perkhidmatan Pengimejan Diagnostik KKM adalah seperti berikut:

- Mesin *Magnetic Resonance Imaging / MRI*
- Mesin *Computerized Tomography / CT Scan*
- Mesin *Flouroscopy*
- Mesin *Angiography*
- Mesin *Mammogram*

Bagi Perkhidmatan Perubatan Nuklear pula, antara peralatan-peralatan penting yang digunakan termasuk:

- Mesin *Positron Emission Tomography-Computed Tomography / PET CT*
- Mesin *Single-Photon Emission-Computed Tomography / SPECT*
- Mesin *SPECT / CT*
- Mesin *Bone Densitometry*

Mesin Rawatan Radioterapi yang digunakan untuk rawatan penyakit kanser adalah seperti berikut:

- Mesin Linac Accelerator:
- Mesin Conventional Simulator
- Mesin CT Simulator
- Mesin High Density Brachytherapy (HDR)
- Prostate Implant Brachytherapy